

NAMA CALON


NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

SMK \_\_\_\_\_

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

Kertas 2

Oktober 2020

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian Tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
6. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
7. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.
8. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**  
**(60 markah)**  
*Jawab semua soalan*

1. (a) Lengkapkan jadual di bawah

Aspek	Milikan Tunggal	Perkongsian
Liabiliti		

[2 markah]

- (b) Carta akaun berikut digunakan Syarikat Razi dalam penyimpanan akaun perniagaan.

Kod	Jenis akaun
1000-1999	Aset bukan semasa
2000-2999	Aset semasa
3000-3999	Liabiliti bukan semasa
4000-4999	Liabiliti semasa
5000-5999	Hasil
6000-6999	Belanja

Cadangkan kod item bagi Akaun Alatan Pejabat dan Akaun Kadar Bayaran?

[2 markah]

- (c) Urus niaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Maria:

2020 Apr 4 Perniagaan mengeluarkan barang niaga bernilai RM1 200 untuk kegunaan promosi
--

Rekodkan urus niaga tersebut ke dalam Jurnal Am. (abaikan keterangan)

**JURNAL AM**

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut menunjukkan butir-butir dalam Belanjawan Tunai sebuah perniagaan bagi bulan September 2019.

Baki awal	2 900
Jualan Tunai	6 110
Belian Tunai	2 080
Kadar Bayaran	190
Belanja lain	60

Hitungkan lebihan atau kurangan.

[2 markah]

- (e) Kelab Bola Sepak Bukit Katil telah ditubuhkan pada 1 Januari 2019. Yuran tahunan setiap ahli ialah RM100. Sehingga 31 Disember 2019, seramai 200 orang ahli telah berdaftar. 180 orang ahli telah menjelaskan yuran tahunan.

Berapakah yuran belum terima tahun 2019?.

[2 markah]

2. Encik Razak ialah pemilik tunggal perniagaan Razak Enterprise yang beroperasi di Parit Raja, Batu Pahat. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaannya pada 1 Januari 2019.

<b>Aset</b>	<b>RM</b>	<b>Liabiliti</b>	<b>RM</b>
Kenderaan	58 000	Akaun Belum Bayar	4 710
Perabot	5 500	Kadar bayaran belum bayar	180
Inventori	8 000		
Akaun Belum Terima	5 640		
Bank	4 500		
Insurans prabayar	250		

Berikut ialah ringkasan akaun bank bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

<b>Penerimaan</b>	<b>RM</b>	<b>Pembayaran</b>	<b>RM</b>
Jualan	8 875	Insurans	900
Akaun Belum Terima	32 850	Akaun Belum Bayar	18 556
Komisen	2 290	Gaji	3 600
	<u>44 015</u>	Perabot	4 500
		Belanja Am	340
		Sewa	750
		Kadar bayaran	475
		Ambilan	1 450
		Angkutan masuk	320
			<u>30 891</u>

Anda telah dapat mengenal pasti maklumat berikut:

- (i) Baki-baki pada 31 Disember 2019:

	<b>RM</b>
Akaun Belum Bayar	4 050
Akaun Belum Terima	5 140
Inventori	6 300
Kadar bayaran belum bayar	220

- (ii) Seorang Akaun Belum Terima didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM180 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Perabot baru telah dibeli pada 1 September 2019. Perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (iv) Komisen diterima belum terperoleh bernilai RM290.
- (v) Perkara ini belum direkodkan:
- Pembekal memberi diskaun RM 140 kerana telah menyelesaikan hutang dengan segera.
  - Encik Razak telah mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri RM 1 000.
- (vi) Peruntukan Hutang Ragu sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima diwujudkan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Akaun Kawalan Belum Bayar [ 3 markah]
- b) Akaun Kawalan Belum Terima [ 3 markah]
- c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 [11 markah]
- d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 [ 8 markah]

3. Encik Razak ialah pemilik tunggal perniagaan Razak Enterprise yang beroperasi di Parit Raja, Batu Pahat. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaannya pada 1 Januari 2019.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2018:	
Bahan langsung	17 300
Barang siap	42 782
Kerja dalam proses	6 480
Alat tulis	925
Jualan barang siap	532 620
Belian bahan langsung	181 350
Pulangan belian bahan langsung	1 275
Mesin (kos)	25 000
Peralatan (kos)	51 000
Susutnilai terkumpul mesin	4 750
Angkutan masuk bahan langsung	855
Sewa	98 400
Penyelenggaraan kilang	6 167
Kadar bayaran	22 400
Bahan api kilang	5 700
Belian alat tulis	1 265
Gaji operator pengeluaran	48 000
Gaji penyelia kilang	14 800
Gaji pengurus kilang	30 000

**Maklumat tambahan :**

- i) Inventori pada 30 Jun 2019 :
- |                    | RM     |
|--------------------|--------|
| Bahan langsung     | 11 500 |
| Barang siap        | 14 800 |
| Kerja dalam proses | 4 885  |
- ii) Gaji operator pengeluaran masih belum dibayar untuk bulan Jun berjumlah RM2 500.
- iii) Polisi susut nilai perniagaan adalah seperti berikut:
- Susut nilai mesin adalah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
  - Peralatan dinilai semula pada harga RM 47 000.
- iv) Bayaran royalti telah dibayar sebanyak RM5 500. Perkara ini terlupa direkodkan.
- v) Kadar penggunaan belanja sewa dan kadar bayaran untuk kilang dan pejabat ialah 60% dan 40%.
- vi) Alat Tulis yang belum digunakan pada 30 Jun 2019 ialah RM322.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Alat Tulis dan Alat Tulis Prabayar [5 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 [13 markah]

- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 [5 markah]
- (d) Nyatakan maksud Kerja Dalam Proses dan beri contoh barang kerja dalam proses bagi perniagaan di atas. [2 markah]

**BAHAGIAN B****(40 markah)***Jawab dua soalan sahaja*

- 4(a) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Naurah Enterprise pada 31 Julai 2020.

Urus niaga dalam bulan Ogos 2020 adalah seperti berikut.

- i) Pemilik membayar kadar bayaran dengan cek RM3 000
- ii) Menjual barang niaga berkos RM1 420 dengan harga RM1 660
- iii) Membeli barang niaga RM1 250 secara kredit
- iv) Pemilik membawa masuk tunai RM5 000 untuk membeli barang niaga berharga RM1 000 dan bakinya dibankkan.
- v) Terima cek bernilai RM1 900 daripada Akaun Belum Terima
- vi) Pemilik mengeluarkan RM280 dari akaun bank untuk kegunaan sendiri.

Lengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan seperti format di bawah.

[8 markah]

	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Akaun belum bayar	Modal	Hasil	Belanja	Ambilan

- 4(b) Osman dan Alif merupakan rakan kongsi untuk Perkongsian H2O yang beroperasi di Taman Soga, Batu Pahat. Mereka membahagikan untung dan rugi sama rata. Berikut adalah maklumat kewangan yang diperolehi bagi tahun perakaunan berakhir 30 Jun 2020.

	<b>RM</b>
Kenderaan	63 300
Perabot	24 700
Akaun Modal :	
Osman	50 000
Alif	50 000
Pinjaman Osman	10 000
Akaun Semasa:	
Osman	3 900 (Kt)
Alif	2 550 (Dt)
Akaun Belum Terima	3 850
Akaun Belum Bayar	2 750
Inventori pada 30 Jun 2020	4 050
Bank	17 350
Tunai	850

**Maklumat tambahan:**

- i. Pekongsi Osman memutuskan untuk berpindah keluar negara. Dia bersetuju dengan pekongsi Alif membubarkan perkongsian pada 30 Jun 2020.
- ii. Perkara berikut telah dipersetujui semasa pembubaran perkongsian.
  - a. Kenderaan dan perabot dijual dengan harga RM95 000.
  - b. Alif mengambil alih Akaun Belum Terima dan inventori dengan nilai RM7 000.
  - c. Akaun Belum Bayar telah dijelaskan dan menerima diskaun RM300.
  - d. Pinjaman Osman dijelaskan sepenuhnya.
  - e. Belanja kadar bayaran berjumlah RM250 telah dijumpai dan dijelaskan semasa proses pembubaran.
  - f. Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a. Akaun Realisasi. [6 markah]
- b. Akaun Bank [4 markah]
- c. Akaun Modal Pekongsi (bentuk beruangan) [2 markah]

- 5 (a) Maklumat yang berikut adalah yang berkaitan dengan sebuah kenderaan yang dimiliki oleh Perniagaan Jaguh.

JenisKenderaan	No. Pendaftaran	Tarikh beli	Kos (RM)
Van	JPF 5010	1 Januari 2019	80 000

**Maklumat tambahan**

- Van disusutnilaikan pada kadar 20% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.
- Van tersebut telah dijual dengan cek bernilai RM48 000 pada 30 Jun 2020.
- Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Anda dikehendaki** menyediakan

- Akaun Kenderaan pada tahun 2020 [2 markah]
- Akaun Susutnilai Terkumpul Kenderaan bagi tahun 2019 dan 2020 [4 markah]
- Akaun Pelupusan Kenderaan [4 markah]

- 5 (b) Pada 1 Januari 2019, Syarikat Saujana Gemilang Sdn. Bhd. Telah memulakan perniagaan dengan modal nominal yang terdiri daripada 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan, RM2.00 seunit dan 2 000 000 unit Syer Biasa, RM1.00seunit.

Pada tarikh yang sama, syarikat telah bersetuju untuk menerbitkan 500 000 Syer Keutamaan dan 650 000 unit Syer Biasa pada nilai tara. Semua syer yang diterbitkan telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa permohonan.

Pada 31Julai 2019, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim:

- 6% syer keutamaan bagi tempoh tujuh bulan pertama.
- Syer biasa pada kadar 3 sen sesyer.

Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan pembayaran dividen akhir bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa pada kadar 5%.

**Anda dikehendaki:**

- Menyediakan Akaun Permohonan Syer Biasa dan Permohonan Syer Keutamaan, Akaun Modal Syer Biasa dan Modal Syer Keutamaan dan Akaun Bank. [4 Markah]
- Menunjukkan bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019. [2 markah]
- Jika Luqman, seorang pemegang syer memiliki 100 000 unit 6% syer keutamaan, berapakah dividen interim dan dividen akhir yang akan diterima olehnya. [4 Markah]

6(a) Berikut ialah Buku Catatan Pertama yang diambil dari Perniagaan Ameer.

JURNAL BELIAN

TARIKH	BUTIRAN	JUMLAH RM
2020 Apr 5	Sabri Enterprise	9 305
30	Akaun Belian	9 305

JURNAL PULANGAN BELIAN

TARIKH	BUTIRAN	JUMLAH RM
2020 Apr 7	Sabri Enterprise	225
30	Akaun Pulangan Belian	225

BUKU TUNAI (petikan)

TARIKH	BUTIR	DISK	TUNAI	BANK	TARIKH	BUTIR	DISK	TUNAI	BANK
					2020				
					13	Belian			2 750
					18	Sabri Enterprise	454		8 626
					24	Alat Tulis		154	

BUKU TUNAI RUNCIT(petikan)

TARIKH	BUTIRAN	PENERIMAAN RM	PEMBAYARAN RM	ANALISIS PEMBAYARAN		
				POS	ALAT TULIS	BELANJA PEJABAT
				RM	RM	RM
2020 Apr 3	Kertas fotostat		45		45	
27	Dakwat pencetak		85		85	
					130	

Anda **dikehendaki** mengepos Buku Catatan Pertama ke dalam lejar yang berkenaan tanpa perlu mengimbangkannya. [10 markah]

6(b) Perdana Enterprise adalah perniagaan yang menjual alat-alat ganti kereta. Berikut adalah maklumat yang diambil daripada buku perniagaan:

Harga jualan seunit	RM 20
Jumlah kos berubah	RM150 000
Kos tetap	RM80 000
Unit keluaran /volum	20 000

**Anda dikehendaki menghitung:**

- (i) Kos berubah seunit. [1 markah]
- (ii) Jumlah unit yang perlu dijual untuk mencapai keuntungan RM40 000. [2 markah]
- (iii) Nyatakan satu kegunaan analisis Titik Pulang Modal [1 markah]
- (iv) Berdasarkan maklumat di atas, **lakarkan graf titik pulang modal** dengan menunjukkan kos tetap, jumlah kos, jumlah hasil dan titik pulang modal. [6 markah]

### SOALAN TAMAT

Urus niaga	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Akaun belum bayar	Modal	Hasil	Belanja	Ambilan





**HELAIAN HADAPAN KERTAS JAWAPAN**

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

ANGKA GILIRAN :

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
<b>Bahagian</b>	<b>Soalan</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>Markah Diperoleh</b>
<b>A</b>	<b>1</b>	<b>10</b>	
	<b>2</b>	<b>25</b>	
	<b>3</b>	<b>25</b>	
<b>B</b>	<b>4</b>	<b>20</b>	
	<b>5</b>	<b>20</b>	
	<b>6</b>	<b>20</b>	
<b>JUMLAH</b>			



**SULIT**

**3756/2**

17

**2020@MajlisPermuafakatanBP**

**[Lihat sebelah]**

**SULIT**

Koleksi Percubaan PPA SPM 2020



**SULIT**

**3756/2**

19

**2020@MajlisPermuafakatanBP**

**[Lihat sebelah]**

**SULIT**

Koleksi Percubaan PPA SPM 2020